



REMAJA “NAKAL” TIDAK PERLU DISANGKAL

Mei, Nara-nara Model, Arin

USIA remaja merupakan fasa yang penuh cabaran kerana peringkat ini dikatakan menjadi penentu masa depan remaja, sama ada secerah mentari ataupun gelap gelita di penghujungnya. Pada usia ini juga, remaja memiliki perasaan ingin tahu dan mencuba yang begitu kuat sehingga jika tiada kawalan diri yang kukuh, mereka mungkin akhirnya akan hanyut dan tercampak ke kancang jenayah serta kemusnahan masa depan sendiri.

Benarkah remaja kini kian "nakal"? Perlukah perkara ini disangkal? Jika dilihat pada peningkatan kes jenayah yang melibatkan remaja kini, kita pasti tahu akan jawapan kepada persoalan ini. Baru-baru ini, kita digemparkan dengan kes dua remaja perempuan di Kelantan yang pada awalnya didakwa dirogol oleh 38 orang lelaki yang majoritinya remaja, tetapi kemudian disahkan hanya 21 orang yang dikatakan menjadi suspek kes itu. Jumlah pesalah yang telah dikurangkan itu tetap dianggap besar untuk satu-satu kes jenayah dan hal ini amat membimbangkan apabila melibatkan begitu banyak remaja.

Di samping itu, remaja wanita juga kini semakin hilang keuletan dan sopan santunnya apabila ada antara mereka yang menjadi pembuli remaja lain, seperti kes buli dan pukul seorang remaja perempuan di Kota Samarahan, Sarawak, yang heboh diperkatakan selepas tersebarnya video perlakuan mereka tersebut di internet. Selain aktiviti jenayah, pelibatan remaja dalam perbuatan tidak bermoral juga kian merisaukan apabila mereka tanpa segen silu memuat naik gambar tidak senonoh masing-masing, seperti aksi bercumbu-cumbuan dalam media sosial tanpa diketahui objektifnya yang sebenar.

Hairunnaja Najmuiddin, dalam buku *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*, mendefinisikan "kenakalan remaja" sebagai perbuatan dan aktiviti remaja yang berlawanan dengan norma masyarakat, undang-undang negara dan agama, seperti memeras ugut, menyamun, menagih dadah, berjudi dan berzina. Menurutnyanya lagi, remaja

Selain aktiviti jenayah, penglibatan remaja dalam perbuatan tidak bermoral juga kian merisaukan apabila mereka tanpa segen silu memuat naik gambar tidak senonoh masing-masing, seperti aksi bercumbu-cumbuan dalam media sosial tanpa diketahui objektifnya yang sebenar.

yang melakukan kegiatan sebegini dianggap "nakal" kerana faktor usia mereka yang belum menginjak ke alam dewasa menjadikan mereka masih mentah dan kurang matang dalam menilai sesuatu tindakan yang diambil. Remaja yang melakukan jenayah juvenil tidak menerima hukuman yang sama sebagaimana yang disabitkan dengan orang dewasa.

Zainal Madon dan Mohd. Sharani Ahmad, dalam buku *Panduan Mengurus Remaja Moden*, mengklasifikasikan keruntuhan akhlak dan kemerosotan disiplin remaja kepada dua bahagian, iaitu salah laku berat atau jenayah, termasuklah mencuri, merompak, membunuh, dan merogol, serta salah laku ringan, termasuklah ponteng kelas, merokok di sekolah atau berpelesenan tanpa tujuan.

Perbuatan yang melanggar adat dan norma masyarakat, seperti membuat bising di tempat awam atau bernesra secara berlebihan antara

lelaki dengan perempuan, membuatkan remaja dilabel sebagai "nakal". Perkara sebegini kerap membuatkan masyarakat mengerut dahi memandang aksi remaja yang tanpa segen silu berkelakuan sedemikian. Walaupun hanya dikategorikan sebagai salah laku ringan, hal ini tidak bermakna salah laku ini perlu dipandang sebelah mata dan dilupakan tanpa memberikan sebarang nasihat dan tunjuk ajar kepada remaja tersebut. Selain itu, kegiatan merosakkan harta awam atau vandalisme dalam kalangan remaja, seperti menconteng dinding tandas awam atau mengubah papan tanda arah jalan raya, merupakan perbuatan khianat yang mampu menimbulkan pelbagai masalah kepada orang ramai.

Terdapat beberapa faktor yang dapat mempengaruhi remaja untuk berubah menjadi remaja "nakal." Antaranya termasuklah tindakan media massa memaparkan filem yang mengandungi gejala tidak sihat atau berunsur keganasan remaja yang mengangkat watak remaja bermasalah sebagai "hero" atau antagonis dalam beberapa buah filem yang ditayangkan. Secara tidak langsung, penonton yang terdiri dalam kalangan remaja menyalahfahkannya sebagai sesuatu yang positif dan tidak salah untuk diikuti.

Selain itu, permainan video berkomputer yang melibatkan perlumbaan kereta dan motosikal, peperangan atau perlakuan fizikal, mungkin menjadi pendorong kepada remaja untuk bersikap agresif dan mencuba perbuatan tersebut di dunia realiti, seperti membentuk kumpulan samseng. Di samping itu, kini terdapat banyak novel cinta dan bahan bacaan yang menentangkan isu kegiatan seks luar nikah dan perhubungan sumbang seolah-olah hal sebegini telah berleluasa dan menjadi sebahagian daripada perlakuan normal masyarakat.

Betapa rendahnya nilai moral kini bagaikan mengalami proses transisi kerana era globalisasi seabek akibat pengaruh Barat begitu cepat menular dan menyerap ke dalam minda remaja. Teknologi di hujung jari kini menjadikan

segalanya begitu mudah untuk diperoleh, termasuklah video lucah yang pastinya dapat meracuni fikiran remaja untuk melampiaskan nafsunya dengan cara yang salah, seperti melakukan jenayah rogod.

Menurut Zainal Madon dan Mohd. Sharan Ahmad, jenayah remaja ialah produk sosial dan budaya masyarakat keseluruhannya. Remaja dikatakan mempelajari banyak perkara daripada pengamatan cara hidup dan aktiviti di persekitaran sosial di lokasi mereka membesar. Sebagai contoh, jika mereka membesar dalam keluarga yang terlibat dalam gejala penagihan dadah atau pelacuran, tidak mustahil untuk mereka mengikut jejak langkah ahli keluarga berkenaan untuk melakukan perkara yang sama. Jika mereka berada dalam kalangan individu yang melakukan kegiatan mencuri, mereka juga berkemungkinan besar terpengaruh untuk melakukan perkara yang serupa, lebih-lebih lagi jika tiada sebarang tangkapan dibuat.

"Kenakalan" remaja mungkin merupakan manifestasi keberanian

dan kekuatan diri yang jelas dilakukan dengan cara yang salah. Hal ini terjadi, terutamanya jika terdapat rakan atau individu lain yang mencabar mereka melakukan sesuatu kegiatan jenayah. Hal ini termasuklah kegiatan lumba haram yang biasanya menjadi landasan untuk remaja membuktikan kemahiran menunggang motosikal masing-masing atau cuba menjadi "jaguh" jalan raya, sama ada oleh desakan rakan ataupun keinginan untuk diterima sebagai ahli sesebuah kumpulan. Selain mengambil ringan isu keselamatan diri dengan menunggang secara berbahaya, remaja juga jelas mengganggu ketenteraman awam apabila dengan sengaja mengubahsuai motosikal agar menghasilkan bunyi yang kuat.

Zaman remaja sering kali diinterpretasikan sebagai peringkat untuk mencapai keseronokan maksima kerana menganggap usia muda sebagai masa untuk berseronok dan berhibur. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika terdapat banyak remaja yang gemar mengunjungi pusat

hiburan dan meminum arak atau mengambil pil terlarang. Perbuatan sebegini jelas menunjukkan kurangnya didikan agama dan bimbingan ibu bapa terhadap remaja.

Dengan pendidikan agama yang minima, remaja begitu mudah tertarik kepada gaya hidup bebas dan godaan luar yang tidak dibatasi sebarang benteng agama dan tatasusila, seperti perlakuan seks rambang yang kemudiannya mungkin menjadi penyumbang kepada kes buang bayi di negara ini. Ketahanan diri dalam melawan bisikan jahat ke arah perbuatan "nakal" dapat dibina jika remaja memiliki pendirian diri yang teguh yang semuanya berpunca daripada ajaran agama yang dipraktikkan.

Ibu bapa sebagai insan yang bertanggungjawab membesarkan anak seharusnya meluangkan masa dengan remaja dan mengambil tahu perihal mereka supaya kegiatan tidak bermoral mereka dapat dihentikan dengan lebih awal. Seperti yang dapat kita lihat dalam iklan yang



Remaja harus menghindari segala kegiatan yang tidak bermoral kerana hal ini mampu membinasakan sebuah masyarakat.

Masa muda yang digunakan untuk berseronok berupaya mengundung padah.



mengandungi filem pendek hasil usaha Agensi Antidadah Kebangsaan (ADDK) yang menampilkan pelakon Zahiril Adzim dan Mia Sara sebagai watak utama, mesej berbunyi, "Ambil Kisah. Ambil Tindakan." menunjukkan saranan agensi itu kepada ibu bapa agar melibatkan diri sepenuhnya dalam kehidupan anak mereka. Penularan kegiatan penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja, seperti yang ditayangkan dalam filem berkenaan, berpunca daripada pergaulan rakan sebaya dan mereka tidak dinafikan mempunyai pengaruh yang kuat kepada remaja.

Selain itu, desakan hidup atau keinginan untuk memperoleh wang dengan cepat mungkin menjadi punca kepada remaja bertindak "nakal" sehingga sanggup membiarkan diri menjadi penjenayah demi memenuhi kehendak materialistik. Sebagai contohnya, baru-baru ini polis telah berjaya menumpaskan "Geng Amir" yang aktif melakukan kira-kira 80 kes samun dan ragut di sekitar Melaka. Ahli kumpulan

ini berusia antara 15 hingga 18 tahun dan kebanyakannya sudah tidak bersekolah serta menganggur. Di Kundasang Ranau, seorang guru telah disamun oleh remaja di rumahnya sendiri dan dibunuh dengan kejam. Hal ini jelas menunjukkan betapa remaja semakin berani mencabar undang-undang negara dengan melakukan jenayah tanpa berasa takut.

Walau apa-apa pun punca yang menjadikan remaja melakukan perbuatan "nakal" dan jenayah, kita perlu segera bertindak dan bekerjasama untuk mambanteras aktiviti sebegini dalam kalangan remaja kerana mereka memerlukan bimbingan dan kawalan orang yang lebih dewasa daripada mereka, seperti ibu bapa, guru dan seluruh ahli komuniti itu. "Kenakalan" remaja kini tidak dapat disangkal lagi dan meletakkan keseimbangan kita pada tahap yang begitu tinggi jika diperhatikan jumlah kes jenayah berat yang melibatkan remaja.

Remaja kini kian berani meragut nyawa insan tidak berdosa, seperti yang berlaku kepada tiga orang adik-beradik perempuan di Alor Semela, Kedah, yang berusia antara tiga hingga 14 tahun. Pembunuhan tragik mereka dengan cara dilemaskan di dalam tali air di kawasan sawah menunjukkan betapa mereka mampu menjadi begitu berbahaya kepada masyarakat dan perkara ini perlu dibendung sebelum lebih banyak orang mangsa pembunuhan kejam remaja bermasalah.

Kerana menyedari hakikat tersebut, semua pihak, terutama sekali ibu bapa, perlu bergandeng bahu membantu mengurangkan jenayah dalam kalangan remaja melalui usaha bersama-sama secara berterusan.

Hal ini penting agar negara kita dapat melahirkan generasi yang mempunyai rekod yang bersih dan demi mewujudkan masyarakat yang lebih aman serta harmoni. CS



Remaja memerlukan bimbingan dan kawalan orang dewasa kerana mereka lebih berpengalaman dalam kehidupan.